



#### Pelajar Bantu Promosi Putra FM UPM



*Dr. Mohd Pauzi Abd Latif ketika ditemubual wartawan TV9 di studio Putra FM.*

**SERDANG, 9 April** – Pelajar Bachelo Komunikasi Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program Promosi Stesen Radio Putra FM UPM bagi mendekatkan stesen itu dengan pendengarnya baru-baru ini.

Program sehari dari jam 9 pagi itu bertujuan mempromosikan stesen radio saluran FM 90.7 yang dikendalikan oleh pelajar UPM kepada warga UPM dan masyarakat setempat.

Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Dr. Mohd Pauzi Abd Latif menyifatkan program promosi seharian yang dilakukan oleh pelajar terbabit dapat memperkenalkan stesen radio itu kepada warga UPM.

"Putra FM satu-satunya stesen radio khusus untuk warga kampus telah wujud sejak tujuh tahun yang lalu dan siarannya meliputi keseluruhan Lembah Klang tetapi masih ramai tidak mengetahui kewujudannya termasuklah warga kampus sendiri," katanya.

Beliau berkata di bawah kursus Strategi Perhubungan Awam mendedahkan pelajar cara menganjurkan sesuatu majlis dengan mengambil kira aspek penajaan, pemasaran dan pengiklanan serta pengurusan aktiviti.

Penerbit Rancangan Radio Putra FM, Syaiwar Hazny berkata stesen radio tersebut merupakan stesen radio kedua di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) selepas Universiti Teknologi Mara (UTM).

"Radio ini dikendalikan oleh empat staf dan dibantu sepuluh pelajar yang menjadi pengacara radio supaya penyampaian radio ini lebih kepada bentuk informasi," katanya.

Beliau berkata penubuhan radio itu bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar untuk tujuan pembelajaran supaya dapat merasai suasana kerja sebenar dalam bidang penyiaran radio.

Syaiwar berkata peralatan yang digunakan di Putra FM lebih kepada peralatan digital kerana semua peralatan dan perisiannya berasaskan komputer.

"Putra FM beroperasi sekitar 10 pagi hingga 12 malam dengan empat pengacara radio daripada kalangan staf UPM," katanya.

Pada hari tersebut pihak radio turut menemubual penyanyi Mila AF selain pelbagai aktiviti untuk pelajar diadakan seperti cabutan bertuah, persembahan artis daripada kumpulan Breakfast Band, Poison Box, persembahan tarian dan kerusi muzik.

Sementara itu, pelajar tahun akhir Bachelo Komunikasi yang juga pengacara radio Putra FM, Nur Nazirah Naziruddin berkata siaran Putra FM yang terhad di sekitar kawasan kampus membataskan pelajar untuk menjadikan stesen radio ini sebagai radio kegemaran mereka.

"Saya berharap agar siaran frekuensi Putra FM dapat diluaskan ke tempat lain agar menjadi pilihan pelajar UPM yang berada di luar kawasan kampus," katanya.



*Antara pelajar melihat pameran semasa majlis Promosi Putra FM.*

**Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.**